

BIDANG KEPAKARAN

1. Ekologi Hutan Bakau
(*Mangrove Ecology*)
2. Pengurusan dan Pemuliharaan Hutan Bakau
(*Mangrove Management and Conservation*)
3. Kelestarian Habitat dan Ekosistem
(*Habitat and Ecosystems Dynamics,
Complexity and Sustainability*)



DR. A. ALDRIE AMIR
Ketua Pusat Penyelidikan KASES

PROFIL

Dr. A. Aldrie Amir memperoleh ijazah Doktor Falsafah dalam bidang Ekologi Hutan Bakau dari The University of Queensland, Australia pada tahun 2011. Pengkhususan dan kepakaran beliau dalam bidang ekologi dan dinamik hutan bakau kini berkembang melalui penerokaan ilmu secara lebih mendalam mengenai kelestarian sistem dan habitat hutan bakau serta interaksi kompleks sistem sosio-ekologi habitat dan persekitaran pinggir pantai tropika dan subtropika, termasuk aspek pengurusan, pemuliharaan dan tadbir urus sumber dan ekosistem semulajadi melalui kerangka ilmu Sains Kelestarian. Beliau telah memimpin dan mengambil bahagian dalam pelbagai projek penyelidikan berkaitan ekologi, pengurusan dan pemuliharaan hutan bakau dan telah menerbitkan pelbagai bentuk penulisan berimpak tinggi di peringkat tempatan, rantau dan antarabangsa. Beliau merupakan Ahli Suruhanjaya International Union for Conservation of Nature Species Survival Commission Mangrove Specialist Group (IUCN SSC MSG). Beliau juga merupakan pengasas dan penyelaras The Malaysian Mangrove Research Alliance and Network atau lebih dikenali sebagai MyMangrove. MyMangrove ditubuhkan pada tahun 2017 untuk mempromosikan penyelidikan rentas-disiplin berimpak tinggi dengan menggalakkan kerjasama dan gabungan kepakaran ahli-ahli akademik dan saintis daripada pelbagai latar belakang dan institusi dari dalam dan luar negara. MyMangrove juga menjangkau merentasi pagar menara gading dengan menyediakan khidmat nasihat dan kepakaran berasaskan sains kepada pihak berkuasa dan masyarakat umum untuk meningkatkan kesedaran tentang kepentingan habitat dan ekosistem tropika yang utama ini, selain menggalakkan penyertaan orang ramai dalam penyelidikan dan pemuliharaan dalam usaha membentuk warganegara Malaysia yang mencintai ilmu, sains dan alam semulajadi. Sebagai seorang mentor akademik di LESTARI-UKM, beliau mengasaskan pembentukan kumpulan Ecosystems Dynamics yang merupakan sebuah formula, platform dan media untuk pengembangan dan penjana ilmu secara formal dengan melatih para pelajar dan penyelidik-penyelidik muda di peringkat Latihan Industri, Ijazah Sarjana dan Ijazah Doktor Falsafah. Layari laman web www.ukm.my/aldrie untuk mengenali dan mengikuti perkembangan penyelidikan beliau dengan lebih lanjut, dan sertai beliau dan rangkaian kepakaran dan kerjasama MyMangrove melalui capaian www.facebook.com/groups/mymangrove.